

HARI : JUMAAT
TARIKH : 21/6/2019
M/SURAT : 2A

Kuala Lumpur

Harga simen serantau masih rendah

Persatuan Simen dan Konkrit Malaysia (C&CA) semalam menjelaskan harga simen tidak mempengaruhi kenaikan harga rumah di negara ini.

Persatuan itu dalam satu kenyataan berkata, ia berdasarkan Indeks Harga Rumah Malaysia (MHPI) diterbitkan oleh Data Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC) yang menunjukkan harga rumah di Malaysia meningkat sebanyak 13 peratus bagi suku pertama 2016 hingga suku ke empat 2018 walaupun berlaku penurunan harga simen.

C&CA juga berkata,

meskipun tiada sekatan kemasukan simen import dalam negara, Malaysia tidak melihat adanya keperluan mengimport bahan binaan itu berikutan harganya masih rendah di rantau ini.

"Malah, pegawai penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) mengadakan lawatan ke loji simen pada 17 Jun lalu dan mengeluarkan notis untuk mengumpul maklumat berkaitan dengan sebab pengumuman pelarasan harga simen," kata kenyataan itu.